



**TERENGGANU DARUL IMAN**

**TAMBAHAN PERUNDANGAN**

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**

**Tr. P.U. 9/96**

**UNDANG-UNDANG KECIL PERUNTUKAN MENGENAI LESEN BERSESAMA  
(MAJLIS DAERAH DUNGUN) 1996**

Tarikh penyiaran :

18 Julai 1996

Tarikh mula berkuatkuasa :

18 Julai 1996

---

**SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL**

---

Mukadimah

Undang-undang kecil 1. Nama dan mula pemakaian.

Undang-undang kecil 2. Tafsiran.

Undang-undang kecil 3. Lesen Bersesama

Undang-undang kecil 4. Syarat-syarat lesen.

Undang-undang kecil 5. Tempoh lesen.

Undang-undang kecil 6. Lesen hendaklah dipamerkan.

Undang-undang kecil 7. Salinan lesen.

Undang-undang kecil 8. Borang permohonan, lesen dan lain-lain..

## **Mukadimah**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen-seksyen 73, 102 dan 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Daerah Dungun dengan ini membuat dan menurut Seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil berikut:

### **1. Nama dan mula pemakaian.**

Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang Kecil Peruntukan Mengenai Lesen Bersesama (Majlis Daerah Dungun) 1996** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Dungun sahaja.

### **2. Tafsiran**

Undang-undang kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain –

“Akta” ertinya Akta Kerajaan Tempatan 1976;

“lesen” termasuklah permit;

“lesen bersesama” ertinya lessen yang dikeluarkan bersesama dan termasuklah lessen yang dikeluarkan secara komposit;

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Dungun;

“Setiausaha” ertinya Setiausaha Majlis Daerah Dungun;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Dungun dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

### **3. Lesen Bersesama**

(1) Mana-mana lesen yang diberikan di bawah mana-mana undang-undang kecil yang dikuatkuasakan oleh Majlis boleh dikeluarkan oleh Majlis bersesama dengan mana-mana lesen lain yang diberikan oleh mana-mana undang-undang kecil sedemikian.

(2) Lesen tersebut bolehlah dikeluarkan dalam bentuk yang ditetapkan oleh Majlis.

#### **4. Syarat-syarat lesen**

(1) Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan adalah tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan yang difikirkan patut dikenakan oleh Majlis dan boleh dibatalkan oleh Majlis pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.

(2) Pembatalan lesen tertentu yang dikeluarkan bersesama dengan mana-mana lesen lain di bawah Undang-undang kecil 3, tidak akan menyentuh keesahan mana-mana lesen lain yang telah dikeluarkan bersesama dengannya.

#### **5. Tempoh Lesen**

Sesuatu lesen adalah sah selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun.

#### **6. Lesen hendaklah dipamerkan.**

Pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesennya itu pada setiap masa di tempat yang mudah dilihat di premis itu dan hendaklah mengemukakan lesen itu jika dikehendaki berbuat demikian oleh mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua secara bertulis.

#### **7. Salinan lesen.**

(1) Di dalam undang-undang kecil ini apa-apa sebutan mengenai perkataan lesen hendaklah termasuk juga salinannya yang diperakui sah.

(2) Perakuan mana-mana lesen sebagai satu salinan yang sah hendaklah dibuat oleh Yang Dipertua, Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Majlis secara bertulis.

**8. Borang permohonan, lesen dan lain-lain.**

- (1) Mana-mana permohonan suatu Lesen Bersesama hendaklah dibuat dalam suatu borang yang ditetapkan oleh Majlis.
- (2) Mana-mana borang permohonan sedemikian hendaklah dikeluarkan oleh Majlis tertakluk kepada bayaran fee yang ditetapkan oleh Majlis.

Diperbuat oleh Majlis Daerah Dungun dalam mesyuaratnya pada 29 haribulan Mac, 1995.

[MDD. 027/28]

HAJI SHAFIE BIN DAUD  
*Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Dungun.*

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam Mesyuaratnya pada 14 haribulan Mei, 1996.

[SUK. TR. 1200/377/3; PUN. TR. (S) 85/3/20]

OSMAN BIN MUDA,  
*Setiausaha,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,  
Terengganu.*